



## SIARAN AKHBAR

### PROGRAM EKOSISTEM INKLUSIF PMKS (i-SEE) BANTU PMKS KOMERSIALKAN KAKI PROSTETIK KE PASARAN INDONESIA



YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri menyerahkan MyB Prosthetic Limb kepada penerima manfaat, Encik Ahmad Fadhil Rushdan Abdul Rahim yang merupakan seorang Orang Kurang Upaya (OKU).

**KUALA LUMPUR** – Program Ekosistem Inklusif PMKS (i-SEE) oleh SME Corp. Malaysia dengan kerjasama Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) telah mendorong MyB Innovation Sdn. Bhd. menghasilkan kaki prostetik berinovasi tinggi yang mampu meningkatkan kualiti hidup pengguna kaki prostetik.

Semasa Sidang Kemuncak Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) 2024, satu pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) antara MyB Innovation Sdn. Bhd. bersama syarikat dari Indonesia, PT Yusuf Ortonesia Medika telah diadakan pada 12 Ogos 2024 yang disaksikan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri. MoU tersebut bertujuan untuk mengkomersialkan MyB Prosthetic Limb ke pasaran Indonesia dengan unjuran jualan sejumlah RM1 juta pada tahun pertama.

Kaki prostetik MyB Prosthetic Limb mempunyai ciri-ciri inovatif seperti boleh dibengkokkan sehingga 180° dan menawarkan keselesaan maksimum serta fleksibiliti untuk mereka yang mengalami amputasi anggota di bawah lutut. Berbeza daripada

kaki palsu konvensional yang penggunaannya terhad kepada berdiri dan berjalan, kaki prostetik baharu ini membolehkan pergerakan buku lali lantas menjadikannya ideal untuk aktiviti seperti sujud dan yoga.

Sebagai simbolik kepada kerjasama ini, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim turut menyerahkan MyB Prosthetic Limb kepada penerima manfaat, Encik Ahmad Fadhil Rushdan Abdul Rahim yang merupakan seorang OKU fizikal. Menurut Encik Fadhil, inovasi ini bakal memberikan impak besar kepada kualiti hidup masyarakat. Beliau yang sudah mempunyai kaki palsu merasakan amat bersyukur dengan pemberian kaki prostetik ini memandangkan ia lebih ringan yang memudahkan lagi aktiviti sehari-hari beliau termasuk melaksanakan ibadah solat. MyB Innovation Sdn. Bhd. telah diluluskan geran sebanyak RM191,859.00 di bawah Program i-SEE oleh SME Corp. Malaysia melalui YIM.



*Encik Rizal bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia (dua dari kanan) dan Dr. Sharmila binti Mohamed Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Inovasi Malaysia (kanan sekali) bersama penerima manfaat serta inovator MyB Prosthetic Limb, Prof. Madya Dr. Mohd Yazid bin Bajuri (kiri sekali).*

Menurut Encik Rizal bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia, "Program i-SEE menawarkan bantuan geran maksimum sehingga RM200,000 untuk setiap inovator atau usahawan. Melalui program ini, inovator atau syarikat bukan sahaja dapat membuka peluang perniagaan lebih luas ke peringkat serantau tetapi juga membawa manfaat besar kepada komuniti inklusif di Malaysia. Sejak tahun 2021, sebanyak 40 kelulusan dengan geran berjumlah RM5.52 juta telah diberikan. Sebenarnya, Program i-SEE ini merupakan kesinambungan kepada Program Berimpak Tinggi 6 (HIP 6) di bawah Pelan Induk PKS (2012-2020) iaitu Program Inovasi Inklusif yang telah dilaksanakan dari tahun 2016 hingga 2020 dengan 62 kelulusan bernilai RM13.84 juta".

Sementara itu, Dr. Sharmila Mohamed Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) berkata, "Sebagai rakan strategik, YIM telah memainkan peranan signifikan sebagai agensi pelaksana bagi program i-SEE yang melibatkan 40 inovator dari tahun 2021 sehingga kini. Ia berjaya melonjakkan penguasaan kemahiran di dalam bidang sains, teknologi dan inovasi, meningkatkan produktiviti, mewujudkan peluang pekerjaan, menaikkan pendapatan dan menambah baik kesejahteraan masyarakat khususnya kepada penerima geran dan komuniti setempat serta kumpulan sasaran. Berdasarkan kajian impak yang dijalankan bagi projek i-SEE tahun 2021-2023, sebanyak 19 syarikat penerima dana telah berjaya meningkatkan hasil pendapatan tahunan mereka".

Program i-SEE bertujuan menggalakkan pembangunan inovasi produk yang boleh memperkasa kumpulan sasar seperti B40, luar bandar, belia, pesara, wanita, warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU). Program ini menyediakan bantuan kewangan kepada inovator atau usahawan bagi membantu kumpulan sasar dan menggalakkan transformasi komuniti menerusi bimbingan dan sokongan teknikal.

Hadir sama YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Haji Mohammad Yusof Apdal, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YBhg. Dato' Ts. Dr. Hj. Aminuddin bin Hassim, Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Encik Rizal bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia dan Dr. Sharmila Mohamed Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Inovasi Malaysia (YIM).

**- TAMAT -**

## **Mengenai SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). SME Corp. Malaysia juga menyelaras program pembangunan PMKS di Malaysia, menjalankan penilaian ekonomi dan pengakreditasian PMKS, serta melaksanakan program pembangunan perniagaan dan fasilitasi akses PMKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

Untuk maklumat lanjut, layari laman sesawang SME Corp. Malaysia di [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my)

## **PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)**

Aras 6, Blok B, Platinum Sentral  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel : 603-9213 0077  
Faks : 603-2775 6001  
E-mel : [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)  
Laman sesawang: [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my)

### **Pengarah**

**Bahagian Komunikasi Korporat  
(U.P. : Pn. Suraini Mohamad Sulaiman)**  
Tel : 03-2775 6290  
E-mel : [suraini@smecorp.gov.my](mailto:suraini@smecorp.gov.my)

### **Mengenai Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)**

Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) telah ditubuhkan pada tahun 2008 di bawah Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI) sebagai agensi peneraju utama Inovasi Sosial dan Akar Umbi di Malaysia. YIM didaftarkan sebagai Syarikat Terhad Mengikut Jaminan (CLBG) di bawah Akta Syarikat 1965 dan diiktiraf sebagai organisasi bukan berdasarkan keuntungan. Fungsi utama YIM adalah sebagai platform yang mencari, mengenalpasti, membangun dan memadankan dana pembangunan inovasi dengan rangkaian lebih 7,400 inovator di seluruh negara bagi menggalakkan dan memupuk pembangunan inovasi akar umbi yang berpotensi untuk dikomersialkan di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Ia dilaksanakan melalui pemerkasaan kreativiti dan inovasi dengan membangunkan minda inovatif yang mengubah idea menjadi realiti serta mewujudkan sistem sokongan mampan yang boleh menghasilkan faedah ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

Untuk mengetahui lebih lanjut, layari laman web Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) di [www.yim.my](http://www.yim.my)

#### **Hubungi:**

Ahmad Mukram Mohamed  
+6017-9534016  
[ahmad.mukram@yim.my](mailto:ahmad.mukram@yim.my)

Norzahafiz Norzamri  
+6012-6153309  
[hafiz@yim.my](mailto:hafiz@yim.my)